

## BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

### NOTA PANDUAN 21

#### PROSIDING PENGUATKUASAAN & PERKARA YANG BERKAITAN

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa: 8 Mei 2013	Kaedah 16.26, 16.27 & 16.29

#### 1.0 Pengenalan

- 1.1 Menurut Kaedah 16.26 Kehendak-kehendak Penyenaraian, Bursa akan menentukan prosedur yang terpakai untuk apa-apa tindakan penguatkuasaan yang diambil di bawah Bab 16 Kehendak-kehendak Penyenaraian.
- 1.2 Bahagian I dan II Nota Panduan ini masing-masing menyatakan prosedur dan kehendak yang berkait dengan suatu prosiding penguatkuasaan yang lengkap dan dipercepat.
- 1.3 Menurut Kaedah 16.27 Kehendak-kehendak Penyenaraian, setiap orang yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang mengakibatkan tindakan penguatkuasaan yang diambil boleh merayu terhadap keputusan tersebut dengan cara sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bursa dari semasa ke semasa. Bahagian III Nota Panduan ini menyatakan prosedur dan kehendak yang berkait dengan prosedur rayuan.
- 1.4 Bahagian IV Nota Panduan ini menyatakan perwakilan lisan yang boleh diminta oleh seorang di dalam prosiding penguatkuasaan.
- 1.5 Bagi mengelakkan keraguan, Bursa tidak terikat dengan prosiding peraturan perundangan dari bukti dan apa-apa penguatkuasaan di bawah Kehendak-kehendak Penyenaraian.

#### BAHAGIAN I PROSIDING PENGUATKUASAAN PENUH

##### 2.0 Notis Diperlukan

- 2.1 Apabila Bursa mencadangkan untuk mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap seseorang di bawah Kehendak-kehendak Penyenaraian, Bursa akan menyampaikan kepada orang itu satu notis bertulis menentukan sifat dan butir-butir pelanggaran yang didakwa dilakukan oleh orang tersebut ("**Notis Diperlukan**").

##### 3.0 Respons kepada Notis Diperlukan

- 3.1 Seorang boleh menyerahkan kepada Bursa respons bertulis kepada Notis Diperlukan ("**Respons**") dalam masa yang ditetapkan di dalam Notis Diperlukan.

**NOTA PANDUAN 21**  
**Prosiding Penguatkuasaan & Perkara yang Berkaitan**

---

**4.0 Pemberitahuan keputusan**

- 4.1 Selepas keputusan dari prosiding penguatkuasaan, Bursa akan memberitahu orang itu secara bertulis keputusan itu termasuk hukuman yang dikenakan (jika ada).

**BAHAGIAN II PROSIDING PENGUATKUASAAN DIPERCEPAT****5.0 Prosedur yang berkaitan dengan prosiding penguatkuasaan dipercepat**

- 5.1 Bursa boleh memulakan prosiding penguatkuasaan dipercepat di bawah Bahagian II ini terhadap seorang yang terhadapnya tindakan penguatkuasaan dicadangkan untuk diambil, dan bukannya prosiding di bawah Bahagian I, dalam keadaan yang difikirkan sesuai oleh Bursa, seperti berkenaan dengan pelanggaran Kehendak-kehendak Penyenaraian yang biasanya tidak mendatangkan hukuman melebihi -

- (a) teguran; atau
- (b) denda melebihi RM 10,000.00.

- 5.2 Dalam prosiding penguatkuasaan dipercepatkan, Bursa akan memberitahu orang yang terhadapnya tindakan penguatkuasaan yang dicadangkan untuk diambil, secara bertulis, mengenai pelanggaran dan hukuman yang dijatuhkan atas pelanggaran itu ("**Penentuan**").

- 5.3 Orang itu mesti, dalam masa yang ditentukan di dalam Penentuan, memberitahu Bursa secara bertulis sama ada orang itu bersetuju atau tidak dengan Penentuan itu. Seorang dianggap telah bersetuju dengan Penentuan sekiranya orang itu tidak merespon dalam masa yang ditentukan.

- 5.4 Sekiranya orang tersebut bersetuju atau adalah dianggap telah bersetuju dengan Penentuan itu, orang itu mesti melaksanakan hukuman yang dijatuhkan. Tindakan penguatkuasaan akan direkod sebagai telah diambil terhadap orang itu setelah peluputan masa yang ditentukan.

- 5.5 Sekiranya orang itu tidak bersetuju dengan Penentuan itu, perkara tersebut akan dilanjutkan di bawah Bahagian I. Orang itu boleh menyerahkan respons bertulis kepada Penentuan itu seolah-olah Penentuan itu adalah Notis Diperlukan di bawah Bahagian I. Dalam membincangkan perkara itu, Bursa tidak terikat dengan Penentuan itu dan boleh menjatuhkan satu hukuman yang lebih tinggi berdasarkan pada fakta atau bukti yang dibentangkan semasa prosiding di bawah Bahagian I.

**6.0 Tiada Pengehadan**

- 6.1 Tiada apa-apa di dalam Bahagian ini yang menghalang Bursa dari meneruskan prosiding penguatkuasaan penuh di bawah Bahagian I untuk sebarang pelanggaran Kehendak-kehendak Penyenaraian.

**BAHAGIAN III RAYUAN****7.0 Notis Rayuan**

- 7.1 Sekiranya seorang merayu terhadap keputusan yang disebut dalam Bagian I di atas, orang itu mesti dalam masa yang dinyatakan di dalam pemberitahuan keputusan yang diberikan di bawah Bahagian I, memberikan kepada Bursa satu notis secara bertulis ("**Notis Rayuan**") bahawa –

**NOTA PANDUAN 21**  
**Prosiding Penguatkuasaan & Perkara yang Berkaitan**

- (a) mengenal pasti keputusan yang terhadapnya rayuan dibuat; dan
- (b) menyatakan alasan dari rayuan bersama-sama pernyataan untuk menjustifikasi alasan yang disandarkan

**8.0 Pertimbangan rayuan**

- 8.1 Seorang boleh mengemukakan bukti yang tidak dibentangkan pada prosiding penguatkuasaan permulaan sekiranya -
- (a) bukti itu tidak tersedia pada masa prosiding penguatkuasaan permulaan; dan
  - (b) bukti itu yang berkemungkinan besar untuk mempunyai pengaruh dalam penentuan keatas keputusan yang dirayu.
- 8.2 Orang itu mesti mengemukakan bukti baru seperti sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 8.1 di atas ketika menyerahkan Notis Rayuan.
- 8.3 Bursa boleh mengemukakan bukti baru akibat dari Notis Rayuan yang dikemukakan oleh orang itu.
- 8.4 Bursa boleh mengesahkan, mengubah atau mengetepikan keputusan yang dirayu.

**9.0 Pemberitahuan keputusan mengenai rayuan**

- 9.1 Setelah tamatnya rayuan, Bursa akan memberitahu orang itu secara bertulis mengenai keputusan rayuan dan keputusan tersebut adalah muktamad.

**BAHAGIAN IV PERWAKILAN LISAN****10.0 Permintaan untuk perwakilan lisan dll.**

- 10.1 Bursa boleh membenarkan perwakilan, penyerahan atau kehadiran saksi-saksi secara lisan untuk mana-mana prosiding yang dimulakan terhadap seseorang di bawah Nota Panduan ini.
- 10.2 Orang yang terhadapnya tindakan penguatkuasaan diambil hanya boleh meminta perwakilan lisan, penyerahan lisan atau kehadiran saksi-saksi jika telah menyerahkan -
- (a) respons sebagaimana yang dikehendaki dalam Bahagian I; atau
  - (b) Notis Rayuan sebagaimana yang dikehendaki dalam Bahagian III.